

17 MAY 1996

Mahathir - EAEC

DR MAHATHIR TERSINGGUNG MENGENAI BANTAHAN TERHADAP EAEC

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tersinggung dengan bantahan terhadap penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan oleh Malaysia beberapa tahun lalu.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak pernah berkata ia membantah tindakan Amerika membentuk Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) tetapi sebaliknya diberitahu bahawa cadangan penubuhan EAEC tidak direstui dan juga dituduh tidak demokratik dengan melesenkan akhbar.

"Tetapi bagaimana pula dengan lesen bagi negara-negara untuk berkumpul bersama dalam satu forum, adakah kita perlu meminta lesen untuk menubuhkan EAEC dan dari siapa pula kita memohon lesen untuk berbuat demikian," katanya semasa menjawab soalan selepas menyampaikan ucapan "Ke Arah Asia yang Stabil" pada persidangan antarabangsa mengenai masa depan Asia anjuran Nihon Keizai Shimbun.

"Saya berpendapat bahawa jika kita berpegang kepada demokrasi, kita harus bersikap demokratik dalam semua perkara dan tidak sekadar memberi kebebasan kepada akhbar tetapi juga memberi kebebasan kepada negara lain untuk berkumpul bersama.

"Saya berasa tersinggung sedikit. Tetapi saya berpendapat bahawa negara-negara Asia Timur mempunyai hak untuk berkumpul bersama dan berunding antara satu sama lain," kata beliau semasa sesi soal jawab.

Dr Mahathir diminta memberi pendapatnya oleh seorang wakil Jepun yang berkata Amerika tidak berpegang kepada peribahasa "When in Rome, do what the Romans do" berhubung dengan kehadirannya di Asia.

Dr Mahathir mengulangi kenyataan bahawa EAEC tidak akan menjadi blok perdagangan atau pakatan ketenteraan.

Perdana Menteri menjawab enam soalan lain termasuk kemungkinan mewujudkan kerjasama ekonomi antara Asia dan Eropah atau dengan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Menurut Dr Mahathir, blok perdagangan adalah tidak sihat dan sebaliknya perdagangan bersifat terbuka adalah lebih baik, sama ada secara individu atau perkumpulan.

Sidang kemuncak Asia-Eropah yang diadakan awal tahun ini ialah bagi pertukaran politik dan perdagangan dan tidak menjejaskan APEC.

Mengenai sama ada Asia boleh menjadi model bagi negara lain di dunia, Dr Mahathir berkata beliau akan mengemukakan cadangan mengenainya kerana kestabilan dan pembangunan ekonomi yang dicapai oleh rantau itu.

Sikap toleransi di kalangan negara Asia dan rakyatnya telah membawa keamanan terutama di Asia Timur.

Perdana Menteri diberi tepukan gemuruh apabila berkata sebuah negara tidak harus mengenakan nilai-nilainya ke atas negara lain dan mengancam mengenakan sekatan jika tidak mematuhi.

Ketika diminta pandangannya mengenai pakatan ketenteraan Jepun-Amerika, Dr Mahathir mempersoalkan keperluan bagi mengadakan pakatan seumpama itu kerana ia menimbulkan tanggapan bahawa negara di luar pakatan itu berpotensi menjadi musuh.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak menyokong pakatan ketenteraan walaupun mempunyai peraturan pertahanan dengan negara jiran berdasarkan hubungan masa lampau dan kini untuk memerangi kegiatan lanun. -- BERNAMA

TCL FAZ